

10/04/2004

Aishah syor kod etika isteri menteri

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Kod etika anggota pentadbiran yang dijangka dilancarkan Perdana Menteri minggu depan, disaran turut merangkumi soal tatalaku untuk pasangan Menteri dan timbalan menteri, bagi menghindar mereka daripada mencampuri urusan rasmi.

Tokoh veteran Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata ia perlu kerana berlaku kegiatan melobi bagi mendapat tender atau kontrak daripada menteri melalui isteri mereka yang boleh dianggap mencampuri urusan rasmi.

Malah katanya, sesetengah isteri hidup mewah termasuk memakai barangan kemas berlebihan yang memberi gambaran kurang elok di kalangan masyarakat kampung.

"Ketika saya menjadi menteri dulu, Tun Dr Mahathir Mohamad memberi ingatan pada mesyuarat Kabinet supaya jangan menunjuk dengan pemakaian emas berlian. Kalau nak pakai kata Tun, pakailah masa tidur.

"Tetapi jika semua benda itu dimasukkan dalam kod etika, bermakna ada garis panduan untuk dipatuhi.

"Kita selalu dengar desas-desus orang melobi mendapat sesuatu daripada menteri menerusi isteri. Mungkin tidak semua desas-desus itu betul, tetapi hakikatnya, ia memang berlaku," katanya.

Difahamkan, kod etika itu meliputi dua bahagian iaitu Kod Etika Rasmi, berteraskan amalan pengurusan negara untuk anggota pentadbiran dan Kod Etika Peribadi, mengenai tingkah laku anggota pentadbiran bagi menghasilkan peribadi integriti mulia serta diteladani rakyat.

Aishah berkata, isteri orang kenamaan juga harus menjaga imej baik dan bukan menunjuk-nunjuk yang boleh menakutkan rakyat daripada mendekati mereka apatah lagi suami yang menjadi wakil rakyat.

Sementara itu, pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohammad Agus Yusoff, melahirkan pendapat yang sama dan menyokong supaya isteri orang kenamaan (VIP) tidak mencampuri urusan suami.

"Yang berpolitik suami dan isteri harus memberi sokongan dengan peranan sebagai isteri, bukan mencampuri urusan. Malah, isteri juga tidak boleh menggunakan pengaruh suami bagi mendapat sesuatu," katanya.

Beliau berkata, kod etika itu penting bagi memastikan setiap wakil rakyat bermaruah, berintegriti dan bebas rasuah.

Katanya, kod etika itu perlu lebih meluas termasuk berkaitan tingkah laku menteri, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen ketika menjalankan tugas seperti tidak membuat kritikan terbuka kepada pegawai kerajaan.

"Seorang menteri baru-baru ini mengkritik pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) secara terbuka.

"Pada saya, ini tidak betul. Menteri harus menjalin hubungan baik dan saling menghormati pegawai kerajaan. Perkara ini perlu dimasukkan dalam kod etika," katanya.

Bagaimanapun katanya, soal pengisytiharan harta dua tahun sekali bagi anggota pentadbiran kerajaan, yang dijangka turut dimasukkan dalam kod etika itu perlu dikemukakan kepada Parlimen supaya lebih telus serta bagi pengetahuan umum.